



Dr Kui Hian (lima dari kanan) merakam kenangan bersama belia yang menyertai IYC 2017.



Cara pelaksanaan pertanian yang harus berubah dengan menggunakan sains dan teknologi agar sumber makanan dapat terus ditingkatkan”

**Dr Sim Kui Hian,**  
Menteri Kerajaan Tempatan  
dan Perumahan Sarawak

## Belia Sarawak perlu berubah

④ Saranan ceburi aktiviti mampu jana pendapatan

Oleh Mohd Latif Ahmad  
[bhnews@bh.com.my](http://bhnews@bh.com.my)

Kuching

**K**emajuan bidang sains dan teknologi seharusnya dimanfaatkan golongan belia untuk melakukan transformasi dalam sektor pertanian di Sarawak, seterusnya membangunkan

diri mereka sebagai usahawan tani berjaya.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Datuk Dr Sim Kui Hian, berkata dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar, golongan belia tidak seharusnya bersikap memiliki kerja, sebaliknya disarankan menceburti aktiviti pertanian yang mampu menjana pendapatan lumayan.

### Pulangan lumayan

“Di Sarawak, kita memiliki kawasan (tanah) yang cukup luas, selain kepelbagaiannya sumber pertanian. Namun, penyerahan rakyat kita dalam aktiviti pertanian masih lagi rendah, terutama dalam kalangan generasi muda.

“Padahal, aktiviti pertanian, termasuk sektor penternakan, perikanan, akulturasi dan pengeluaran produk makanan mampu menjanjikan pendapatan lumayan, lebih-lebih lagi untuk pasaran eksport dalam keadaan dunia hari ini yang tidak mengenal sempadan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kongres Belia Antarabangsa 2017 (IYC2017) di Universiti UCSI Kampus Kuching, di sini semalam.

Yang hadir sama Presiden dan Pengasas MyPerintis, Datuk Lawrence Low dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti UCSI, Mukvinder Sandhu.

Justeru, Kui Hian menyeru agar tanggapan bahawa sektor perta-

nian yang memerlukan kawasan tanah luas untuk dimajukan perlu diubah kerana dunia sekarang beralih kepada revolusi pertanian yang berdasarkan sains dan teknologi.

### Perkasa belia

“Harus diingat bahawa dunia tetap memerlukan pertanian kerana manusia perlukan makanan. Cuma, cara pelaksanaan pertanian yang harus berubah dengan menggunakan sains dan teknologi agar sumber makanan dapat terus ditingkatkan dan berkualiti selain memastikan tiada sumber dibazirkan,” katanya.

Sementara itu, Kui Hian menganjurkan agar belia di Sarawak terus diperkasakan, terutama dalam

bidang pendidikan, siber dan pertanian agar generasi masa depan ini dapat menyumbang kepada pembangunan masa depan negeri yang lebih terjamin.

“Maka, kolaborasi antara pihak berkaitan dengan belia yang lahir pada zaman teknologi ini amat perlu untuk melengkapi mereka dengan pengetahuan yang lebih mendalam, sekali gus memenuhi keperluan industri yang semakin mendesak ke atas tenaga berkemahiran.

“Sudah tiba masanya untuk kita membuka mata dan melihat kemahiran-kemahiran yang perlu untuk menerokai dan memajukan industri serta sumber semula jadi kita,” katanya.